

Aspirasi, harapan

BH 15 APR 1987

Oleh A KADIR JASIN



dan cita-cita

UCAPAN Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad di Perhimpunan Agung Umno ke-38 di Pusat Dagangan Dunia Putra di sini hari ini menyimpulkan aspirasi, harapan dan cita-cita beliau untuk bangsa Melayu dan negara Malaysia. Ia adalah singkatan segala dasar, strategi dan tindakan yang beliau lakukan sejak mengambil alih kepemimpinan negara sejak pertengahan 1981. Ini jugalah dasar, pendekatan dan tindakan yang nampaknya masih belum difahami oleh keseluruhan bangsa Melayu dan rakyat Malaysia sehingga tercetuslah pelbagai kesangsian, tuduhan dan penentangan terhadap beliau.

Dari awal-awal lagi, Dr Mahathir mengajak ahli-ahli Umno berfikir dan melihat diri mereka dalam konteks universal, bahawa bangsa Melayu dan negara Malaysia bukanlah sesuatu yang wujud bersendirian. Beliau memberi perbandingan dan andaian yang mungkin tidak difahami oleh semua ahli parti, tetapi yang beliau anggap penting untuk membajai kesedaran mereka. Tanpa keinginan mendalami maksud-maksud yang ter-

sembunyi di sebalik kenyataan-kenyataan itu, maka ucapan yang mudah itu pun tidak akan difahami sepenuhnya.

Mengenai pergolakan politik antara-bangsa, Perdana Menteri menyebut bagaimana manusia yang mampu terbang ke bulan, berjaya mempelajari alam semesta dan meneropong cakerawala-cakerawala yang berjuta-juta tahun cahaya jauhnya dari bumi kita dan yang mampu mengkaji kejadian alam paling kecil, tetapi tidak dapat menguruskan hal-hal dunia dengan baik. Sebaliknya kepandaian itu menyebabkan manusia menjadi ancaman kepada keberkekalannya sendiri. Kesimpulan yang cuba dinyatakan oleh Dr Mahathir ialah dunia bukan sahaja memerlukan manusia yang bijak, tetapi ia lebih memerlukan manusia yang arif dan bijaksana.

Kerana kurangnya kebijaksanaan inilah maka manusia saling bunuh membunuh, menjadikan yang lemah dan tidak berdosa mangsa mereka. Beliau menyebut bagaimana Dunia Islam kini begitu gelora sehingga imej Islam tercemar di mata dunia. Manakala sedikit sahaja Zionis dan konco-konco mereka mati dalam 40 tahun konflik Arab-Israel, lebih daripada satu juta umat Islam mati di tangan saudara-saudara seagama mereka sendiri dengan senjata yang dibekalkan pula oleh Komunis, Barat dan Israel.

Dr Mahathir bercakap mengenai imperialisme ekonomi kerana ini adalah kenyataan

yang semakin mengancam. Imperialisme politik disingkirkan dengan jayanya melalui proses kemerdekaan, kecuali di Afrika Selatan dan Namibia, kini digantikan oleh penaklukan ekonomi. Banyak negara merdeka di dunia hari ini lebih miskin daripada ketika mereka dijajah. Imperialisme ekonomi Barat tidak memilih mangsa. Hanya negara-negara merdeka yang paling gigih, berani dan mempunyai landasan ekonomi yang kuat sahaja yang boleh menangkis serangan imperialisme ekonomi Barat. Itulah sebabnya Dr Mahathir tidak putus-putus menasihatkan rakyat Malaysia berusaha keras, rajin dan produktif.

Dasar persamaan

Kebankrapan lebih 100 bank di Amerika Syarikat sejak beberapa tahun lalu dan penipuan besar di pasaran-pasaran saham serta barangan di negara-negara maju menjadi gejala baru yang mengancam ekonomi antarabangsa kerana dunia kini begitu rapat dikaitkan oleh kegiatan ekonomi dan perdagangan.

Kerana kedudukan ekonomi mereka yang lemah, negara-negara membangun adalah mentimun dalam perdagangan dunia. Tidak kira sebelah mana menggolek ia tetap luka. Manakala kejatuhan harga bahan-bahan mentah telah memfliskan ekonomi banyak negara membangun yang mengeluarkannya, negara-negara perindustrian tahun lalu

menjimatkan AS\$70,000 juta membeli bahan-bahan itu. Dengan memanipulasikan nilai mata wang, negara-negara maju terus menjual barang-barang keluaran industri mereka dengan harga mahal.

Justeru itu, Perdana Menteri membuat kesimpulan maju atau mundurnya sesuatu bangsa atau negara bergantung kepada bangsa itu sendiri. Negara-negara seperti Taiwan dan Korea Selatan memperolehi begitu banyak nikmat ketika negara mengalami ekonomi tidak sihat kerana mereka sanggup bekerja keras mengeluarkan barang-barang bermutu dengan harga murah.

Menyedari hakikat ini jugalah Pentadbiran Dr Mahathir mengamalkan dasar luar yang lebih aktif, tetapi bebas, sehingga ada pihak yang mentakrifkannya sebagai dasar yang anti-Barat. Walaupun Malaysia negara kecil, kata Perdana Menteri, ia tegas memperjuangkan sesuatu yang difikirkan perlu dan adil.

Tetapi jauh daripada anti-Barat atau anti-Amerika, Malaysia mahu bersahabat dengan semua negara di dunia, kecuali Israel dan Afrika Selatan, selagi persahabatan itu atas dasar persamaan dan hormat menghormati. Dasar luar yang lebih bebas dan berterus terang ini ada kaitannya dengan pendirian Dr Mahathir sendiri iaitu kemerdekaan bermakna Malaysia tidak boleh lagi dikongkong oleh sesiapa. Zaman bunga emas sudah lama berlalu.

Ulasan Dr Mahathir mengenai Dasar Ekonomi Baru boleh dibaca sebagai jawapan kepada beberapa alternatif yang sedang diperkatakan sekarang, terutama yang mencadangkan supaya DEB digantikan dengan dasar pertumbuhan kebangsaan yang tidak memberi keutamaan kepada mana-mana kaum. Sebaliknya semua kaum diharap dapat menikmati kesan daripada perkembangan yang dijangkakan lebih pesat jika ekonomi dibebaskan.

Amat merugikan

Dengan tegas Perdana Menteri berkata, kerajaan tidak berhasrat berbangga dengan pertumbuhan ekonomi yang pesat tetapi Bumiputera menjadi papa kedana. Biar ekonomi negara tumbuh lebih perlahan asalkan bangsa dan negara selamat. Pertumbuhan ekonomi sebelum DEB amat pesat tetapi negara menyaksikan tragedi 13 Mei yang mengorbankan banyak nyawa kerana ada kaum berasa tertindas dan ketinggalan.

Segala rancangan dan cita-cita ini adalah landasan ke arah memenuhi satu lagi matlamat kemerdekaan — mewujudkan satu bangsa yang bermaruah. Bangsa bermaruah, tegas Dr Mahathir, tidak boleh diwujudkan semata-mata dengan meminta orang lain jangan menghina bangsa kita. Bangsa bermaruah memerlukan sifat-sifat mulia dan berjaya.

Jelas daripada amanat itu, Perdana Men-

teri mahu orang Melayu dan Umno menjadi ejen perubahan. Justeru itu amat tepat saranan beliau agar orang Melayu mengikis sifat memencilkan diri daripada masyarakat-masyarakat lain.

Kecenderungan menyisihkan diri amat merugikan orang Melayu. Kerana sikap itu orang Melayu tidak dapat mempelajari aspek-aspek positif kaum dan bangsa lain. Kerana sifat itu juga orang Melayu tidak dapat mempamerkan ciri-ciri hidup dan agama mereka yang sebenar kepada bangsa lain.

Kesimpulannya, manakala Umno kekal sebagai parti pembimbing kerajaan dan orang Melayu mempunyai suara perwakilan yang besar, ia belum menjamin perubahan nasib bangsa itu jika sifat-sifat baik dan positif tidak disemai dan dibajai.

Demikian juga kemerdekaan tidak bermakna jika Malaysia terus takut mengamalkan dasar luar yang bebas dan berani semata-mata kerana kita negara kecil. Sebaliknya sejarah akan mengutuk kita jika disebabkan kepentingan jangka pendek kita lari dari tanggungjawab sebagai anggota masyarakat dunia.

Pendeknya, ucapan dalam nada sederhana itu mencerminkan secara mutlak pandangan jauh Datuk Seri Dr Mahathir sebagai pemimpin negara yang mahu Malaysia muncul sebagai negara yang aman, bahagia dan bermaruah.